

PEMANTAPAN HUBUNGAN LUAR NCRC - JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOS), KEDAH

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar:

04 Mac 2012 17:54

Kepada:

UUM - All Staff



04 Mac 2012 / 11 Rabiulakhir 1433

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PEMANTAPAN HUBUNGAN LUAR NCRC – JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOS), KEDAH

Pada 21 Februari (Jam 2.00 petang), pihak Northern Corridor Research Center (NCRC) telah menerima kunjungan hormat 3 orang pegawai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) Kedah termasuk Encik Mohamad Rasidi Yusof, Penolong Pegawai Perangkaan dan Encik Shahbani Ibrahim, Penolong Pengarah. Di antara tujuan utama kunjungan tersebut adalah untuk membincangkan kerjasama di antara pihak NCRC dan pihak DOS, merancang projek dan program yang boleh dilaksanakan dan meuar-uarkan kepentingan DOS kepada para pelajar dan pendidik UUM.

Susulan daripada lawatan tersebut pada 26 Februari 2012 (Jam 11.00 pagi), Pengarah NCRC telah dijemput untuk kunjungan hormat ke DOS bagi merealisasikan perbincangan awal di NCRC tempohari. Di samping mewujudkan satu lagi jalinan hubungan NCRC dengan pihak luar, Pengarah NCRC memanfaatkan kunjungan tersebut untuk mendapatkan beberapa maklumat bagi Kajian 'Mapping the Land Use Profile and Core Economic Activities For The NCER by Using GIS and LIS'.

Hasil daripada kunjungan hormat tersebut, Puan Sabrina Sabri, Pengarah DOS, Kedah telah menyatakan hasrat mereka untuk bekerjasama dengan NCRC bagi memperkenalkan DOS kepada pelajar Universiti dan juga pendidik dari segi perkongsian data atau maklumat yang dikatakan kurang mendapat kesedaran daripada pihak luar DOS.

Sehubungan itu, NCRC telah merancang untuk mengatur satu program 'Sehari bersama Jabatan Perangkaan Malaysia – Kepentingan Kesedaran Data Perangkaan dalam Konteks Pembangunan Negara yang dijangka akan dilaksanakan dalam bulan April nanti.

Habis.

=====